



UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

PENJENAMAAN SEMULA KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Seiring dengan keputusan YAB Perdana Menteri di dalam Mesyuarat Kabinet bertarikh 5 April 2023, nama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah dijenamakan semula dan kini dikenali sebagai **KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** atau dalam Bahasa Inggerisnya, **MINISTRY OF INVESTMENT, TRADE AND INDUSTRY**, mengekalkan akronim yang sama iaitu "MITI".

Penjenamaan ini bertepatan dengan fungsi Kementerian yang menjadi peneraju dan bertanggungjawab untuk menggalakkan kemasukan pelaburan asing, memperkasakan pelaburan tempatan, memantapkan perdagangan antarabangsa dan memperkasakan pembangunan industri yang lestari dan mampan.

Keputusan ini juga adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk merencanakan lagi aktiviti penggalakan pelaburan seperti yang digariskan di bawah Aspirasi Pelaburan Nasional bagi kesinambungan pembangunan semula ekonomi negara seperti yang digariskan di dalam wadah Kerajaan Madani.

Dengan penjenamaan ini, MITI terus komited untuk menarik pelaburan baharu berkualiti dan berimpak tinggi, memperluaskan jaringan perdagangan antarabangsa serta memperkukuhkan sektor industri sedia ada sebagai penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negara bagi kesejahteraan rakyat dan sektor perniagaan, terutamanya PKS.

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)

12 APRIL 2023

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel : +603-6200 0082

Faks : +603-6206 4293

E-mel : alluks@miti.gov.my